

**Kuala Lumpur:** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa, semalam mengesahkan kawasan di Jalan Masjid India selamat untuk semua bentuk aktiviti.

Menurutnya, ia berdasarkan kajian dijalankan Pasukan Petugas Khas yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Katanya, perkara itu juga selepas mengambil kira pandangan kepakaran secara kolektif oleh pelbagai agensi serta pertubuhan

## Kawasan di Jalan Masjid India selamat untuk semua aktiviti

profesional seperti Institusi Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Geoteknikal Malaysia (MGS).

Dr Zaliha berkata, beberapa tindakan segera langkah jangka pendek juga sudah dilaksanakan iaitu pertama, audit integriti aset utiliti oleh syarikat-syarikat utiliti di kawasan *Central Business District* (CBD), termasuk Jalan Masjid India.

“Pemetaan dan ujian integriti bawah tanah dijalankan bagi mengesan sebarang kelemahan pada aset-aset lama.

“Kedua, penggunaan teknologi seperti kaedah *Ground Penetrating Radar* (GPR) dan *Mackintosh Probe* (MP) untuk menyiasat struktur tanah.

“Ujian geofizik seperti *Micro Gravity* dan *Ground Settlement Monitoring* turut digunakan untuk

mengesan sebarang pergerakan tanah atau lohong bawah tanah,” katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan **P Prabakaran (PH-Batu), Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh), RSN Rayer (PH-Jelutong) dan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang)** berkaitan insiden lubang benam di Jalan Masjid India, di sini.

Mengulas lanjut, Dr Za-

liha berkata, bagi tindakan jangka panjang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan penyiasatan tanah mendalam membabitkan penggunaan teknik *Deep Boring* serta ujian makmal untuk memastikan struktur tanah stabil.

Katanya, laporan geoteknikal oleh jurutera bertauliah juga akan disediakan untuk kawasan yang dikenal-pasti berisiko.

“Mengenai komunikasi awam, DBKL akan terus menggunakan platform media sosial untuk mem-

beri makluman dan keyakinan kepada masyarakat mengenai tahap keselamatan di kawasan Jalan Masjid India,” katanya.

Menyentuh mengenai pampasan kepada ahli keluarga mendiang G Vijaya Lakshmi, Dr Zaliha menyatakan kerajaan melalui DBKL sudah menyumbang RM30,000 bagi membantu waris mangsa meringankan beban akibat tragedi itu.

“Keluarga mangsa juga menerima sumbangan daripada pihak swasta yang turut bersimpati sebanyak RM10,000,” katanya.